

30 JUN 2002

MALAYSIA HANTAR PERUTUSAN TAHNIAH SEMPENA "HARI KANADA"

KUALA LUMPUR, 30 Jun (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail telah menghantar perutusan tahniah kepada Gabenor Jeneral Kanada, Adrienne Clarkson, sempena sambutan "Hari Kanada".

Seri Paduka menyatakan harapannya bahawa hubungan akrab antara kedua-dua negara akan diperkukuhkan lagi di tahun-tahun akan datang, menurut satu kenyataan Wisma Putra.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga menyampaikan perutusan lebih kurang sama kepada rakan sejawatannya di Kanada, Jean Chretien, menyatakan harapan bahawa hubungan dua hala akan dipertingkatkan.

Beliau berkata rakyat Malaysia banyak beruntung daripada kerjasama dalam bidang perdagangan dan pendidikan antara kedua-dua negara.

Menteri Luar Datuk Syed Hamid Albar, dalam perutusannya kepada rakan sejawatan William Graham berkata, beliau yakin yang hubungan sedia ada antara kedua-dua negara akan dipertingkatkan.

-- BERNAMA

SNS AZZ PR